

Pembelajaran Bahasa Kedua

Oleh **VIJAYALECHUMY SUBRAMANIAM
THIVIYAH MANICAM**

Mutakhir, diakui memang terdapat masalah dalam pelaksanaan sistem pendidikan negara Malaysia. Salah satu masalah yang sering disebut-sebut oleh pemimpin negara ialah kelemahan pelajar menguasai bahasa Inggeris. Walaupun bahasa Inggeris diajarkan dari darjah satu sekolah rendah, namun setelah 11 tahun, masih terdapat sejumlah lulusan SPM yang tidak dapat bertutur dan menulis dalam bahasa Inggeris dengan baik. Pada tahun 2002, kerajaan telah memutuskan pelaksanaan pengajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSIM) pada tahap tahun 1 di sekolah rendah, tingkatan 1, 4 dan 6 rendah di sekolah menengah serta pusat matrikulasi bermula pada tahun 2003. Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat unjuran bahawa pada tahun 2008, 80 peratus peperiksaan bagi mata pelajaran sains, matematik dan teknikal akan dilaksanakan dalam bahasa Inggeris. Justeru, pada amalnya, bahasa Inggeris sudah menjadi bahasa pengantar utama yang mengambil alih tempat dan peranan bahasa kebangsaan tanpa meminda Akta Pendidikan yang sedia ada. Secara tidak langsung, perubahan ini menimbulkan polemik apabila pelaksanaannya bercanggah dengan dasar yang termaktub dalam Akta Pendidikan.

Dasar Pendidikan Kebangsaan Negara ini digubal berasaskan ciri-ciri kebangsaan daripada sudut kurikulum, latih guru, bahan pengajaran dan bahasa pengantarnya. Hal yang sedemikian ini menunjukkan semangat yang terkandung dalam Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961 dan kemudian Akta Pendidikan 1996 (Kumpulan Prihatin, 2005). Menurut Asmah Haji Omar (1993:91), dalam bidang

Dasar Pendidikan Kebangsaan Negara ini digubal berasaskan ciri-ciri kebangsaan daripada sudut kurikulum, latih guru, bahan pengajaran dan bahasa pengantarnya. Hal yang sedemikian ini menunjukkan semangat yang terkandung dalam Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960, Akta Pelajaran 1961 dan kemudian Akta Pendidikan 1996 (Kumpulan Prihatin, 2005).

ilmu pengetahuan seperti di sekolah dan di institusi pengajian tinggi, bahasa Melayu sudah digunakan secara meluas sebagai bahasa pengantar. Akan tetapi, tidak dapat dinafikan bahawa bahasa Inggeris masih memainkan peranan utama dalam bidang ilmu pengetahuan dan hubungan anatarabangsa. Bahasa Inggeris ialah bahasa pertuturan utama dunia. Pengetahuan bahasa Inggeris perlu untuk memperkaya diri kita dengan ilmu pengetahuan dan untuk memperluas pandangan kita. Bahasa Inggeris hendaklah dianggap semata-mata sebagai alat untuk meningkatkan taraf sosial kita dalam dunia ilmu pengetahuan dan juga dalam hubungan kita dengan negara lain.

Malaysia merupakan negara berbilang bangsa. Penduduknya menuturkan bahasa ibunda sesuatu bangsa dan etnik, iaitu bahasa Melayu, Jawa, Inggeris, Mandarin, Hokkien, Kantonis, Tamil, Arab, Kadazan dan Iban. Namun, daripada pelbagai bahasa itu, bahasa Inggeris dan bahasa Arab tidak dikuasai sebagai bahasa pertama (bahasa ibunda) oleh mana-mana komuniti Malaysia. Bahasa Inggeris dan bahasa Arab dikuasai sebagai bahasa kedua, sama ada menerusi pembelajaran

formal atau menerusi interaksi tidak formal dengan mereka yang menuturkan kedua-dua bahasa ini. Akan tetapi, antara kedua-duanya, bahasa Inggeris dipelajari lebih meluas berbanding dengan bahasa Arab. Hal yang sedemikian ini selaras dengan dasar kerajaan yang menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua selepas bahasa Melayu. Pemerolehan bahasa kedua (Zulkifley Hamid, 1994:70) agak berbeza daripada pemerolehan bahasa pertama kerana penguasaan tidak berlaku secara semula jadi serta didorong oleh pelbagai tujuan seperti untuk mengelakkan pemencilan, memajukan kerjaya, meningkatkan ilmu pengetahuan dan sebagainya. Di samping itu, tidak semua manusia itu berkemahiran dwibahasa. Seseorang yang mempelajari bahasa kedua sebenarnya sudah pun memiliki kebolehan berkomunikasi, iaitu menggunakan bahasa pertamanya. Oleh hal yang demikian, tugas seorang pengajar bahasa kedua bukanlah membentuk kemahiran berkomunikasi dalam urusan seharian, tetapi berperanan untuk memindahkan kemahiran berkomunikasi dalam satu bahasa kepada kemahiran berkomunikasi dalam bahasa kedua.



Justeru, sebaik-baiknya guru yang mengajarkan bahasa kedua hendaklah menggunakan pelbagai wacana yang tidak lagi asing kepada para pelajar. Alasannya kerana, dalam pengajaran bahasa kedua, kemahiran linguistik dan kebolehan berkomunikasi tidak harus dipisahkan. Maksudnya, untuk berkomunikasi dengan baik, kemahiran linguistik diperlukan dan kemahiran linguistik tanpa kebolehan berkomunikasi tidak mencapai objektif sebenar pembelajaran dan pengajaran bahasa kedua. Antara faktor persekitaran yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar termasuklah kedudukan sosioekonomi. Jenis pekerjaan dan kedudukan ekonomi ibu bapa merupakan faktor utama yang mempunyai hubungan rapat dengan semua peringkat perkembangan penguasaan bahasa. Semakin tinggi kelas sosioekonomi murid itu semakin bertambah perbendaharaan kata yang mereka kuasai. Hal yang sedemikian ini memperlihatkan jurang sosioekonomi yang amat jelas mengikut jenis pekerjaan ibu bapa. Golongan atasan dan pertengahan diwakili oleh ibu bapa yang bekerja

dalam sektor profesional seperti pengurus ladang, pegawai dan guru manakala golongan rendah diwakili oleh ibu bapa yang bekerja sebagai peneroka.

Dari aspek pertuturan, murid-murid yang berada dalam kelas sosioekonomi yang lebih baik lebih mahir berbahasa dan keadaan ini akan terus bertambah baik apabila murid-murid itu meningkat usianya. Murid-murid yang berada dalam sebuah keluarga kelas atasan dan pertengahan didapati boleh bertutur lebih awal. Mereka lebih cepat membina kebolehan untuk membentuk ayat dan struktur ayat yang dituturkan lebih gramatis berbanding dengan murid-murid yang sebaya daripada kelas rendah. Latar belakang ibu bapa yang mempunyai pendapatan yang tinggi dan mantap turut menyumbang kepada kelebihan yang dimiliki oleh anak-anak mereka. Mereka memperoleh segala kemudahan sedia ada dengan mudah dan cepat. Misalnya, mereka mampu untuk mengikuti kelas tuisyen. Tambahan pula, terdapat pertalian yang amat rapat antara kedudukan sosioekonomi dengan perkembangan penguasaan bahasa.

Keadaan ini mungkin disebabkan oleh pertalian antara

kebolehan berbahasa dengan situasi dalam keluarga. Murid-murid yang berada dalam keluarga kelas atasan dan pertengahan mendapat perhatian dan belaian kasih sayang yang lebih daripada ibu bapa dan ahli keluarganya. Komunikasi antara murid-murid ini dengan ahli keluarga lebih kerap berlaku, sama ada ketika menonton televisyen, makan, dan beriadah. Komunikasi bagi murid-murid yang berada dalam kelas rendah pula keadaannya berlawanan, iaitu ketika makan sering berlaku pengasingan antara murid-murid dengan ahli keluarganya, kurangnya perbualan dan komunikasi jika adapun, hanya daripada ahli keluarga yang lebih dewasa kepada murid-murid ini dan tidak berlaku secara dua hala. Perasaan kasih sayang antara mereka dalam keluarga juga agak kurang.

Sebenarnya, peringkat umur individu yang banyak berhubung dan berkomunikasi dengan murid-murid juga mendatangkan kesan terhadap perkembangan penguasaan bahasanya. Semakin banyak mereka berhubung dengan orang dewasa, semakin baik perkembangan bahasanya. Pendedahan komunikasi

sedemikian akan memberikan keyakinan kepada mereka untuk berkomunikasi. Dalam hal yang sebegini, kedudukan sosioekonomi keluarga juga memberikan kesan kerana murid-murid daripada kelas atasan dan pertengahan lebih banyak berhubung dengan orang dewasa berbanding dengan mereka daripada kelas rendah. Selain itu, jumlah isi rumah, sama ada besar atau kecil, jumlah anak dalam sebuah keluarga, pertalian antara anak-anak juga merupakan pengaruh besar dalam perkembangan penguasaan bahasa. Murid-murid yang suka bergaul dengan orang dewasa selalunya mempunyai perkembangan bahasa yang lebih baik.

Di samping itu, kawasan tempat tinggal juga mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Inggeris sama ada di kawasan bandar, pinggir bandar, desa atau pedalaman. Murid-murid yang tinggal di kawasan pinggir bandar kurang pengetahuan tentang kos kata dan perbendaharaan kata bahasa Inggeris berbanding dengan murid-murid di kawasan bandar. Memang tidak dapat dinafikan bahawa sesuatu lokasi kediaman itu mempengaruhi perkembangan leksikal.

Kewujudan bahasa kedua sebenarnya sangat bergantung pada kewujudan bahasa itu dalam masyarakat. Sebagai contoh, semua ahli keluarga Melayu yang tinggal dalam masyarakat Melayu, bertutur menggunakan bahasa Melayu dan bahasa pertuturan masyarakatnya pula ialah bahasa Melayu. Oleh hal yang demikian, bahasa pertama bagi masyarakat itu ialah bahasa Melayu. Mereka sukar memperoleh dan mewujudkan bahasa kedua di rumah dan hal yang sedemikian ini hanya dapat dipelajari di sekolah melalui mata pelajaran bahasa Inggeris.

Akan tetapi, keadaan sebaliknya berlaku di kawasan bandar apabila masyarakat majmuk yang terdiri daripada bangsa Melayu, Cina dan India hidup berjiran. Proses pembelajaran bahasa kedua mudah berlaku antara satu dengan yang lain.

Di samping itu, murid-murid tidak mempunyai kontak terus dengan bahasa Inggeris tetapi terdedah melalui pembelajaran yang formal, bahan bacaan dan media elektronik. Menerusi saluran tersebut, murid-murid ini memahirkan diri dalam penguasaan bahasa Inggeris untuk mengubah gaya hidup mereka sesuai dengan situasi semasa supaya tidak dipencilkan oleh rakan sebaya. Kanak-kanak yang aktif dan peyahutan bicaranya menerima rangsangan dan pendedahan melalui pergaulannya. Kanak-kanak yang banyak memperoleh bahasa mempunyai dorongan untuk berkomunikasi dalam bahasa berkenaan dan bersedia pula menayakan sesuatu komunikasi. Lebih banyak pertuturan yang didengari daripada rakan-rakan sepermainan adalah lebih baik kerana pendedahan merupakan perkara penting untuk berbicara.

Media massa atau alat sebaran am, sama ada media elektronik mahupun media cetak, juga banyak mempengaruhi proses pembelajaran bahasa Inggeris. Menonton televisyen memang digemari oleh kanak-kanak kerana hal yang sedemikian itu dapat merangsang pancaindera pendengaran (telinga) dan penglihatan (mata) yang berlaku secara serentak. Ruangan yang paling digemari ialah kartun dan iklan. Hal yang sedemikian ini berlaku disebabkan bahasa yang digunakan dalam rancangan kartun dan iklan padat, ringkas dan bersesuaian dengan kebolehan

bahasa kanak-kanak. Tambahan pula, gambar dan paparan yang terdapat dalam iklan atau cerita berkenaan berwarna-warni dan menarik perhatian kanak-kanak di samping aksi-aksi yang lucu, lasak serta menghiburkan. Sebagai contoh, rancangan *Chicky Hour*, *Kelab Disney Malaysia* dan *Pingu*.

Kesimpulannya, faktor persekitaran memang merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembelajaran bahasa Inggeris dalam kalangan murid. Namun begitu, faktor sikap dan motivasi juga memainkan peranan penting untuk menentukan kejayaan atau kegagalan pembelajaran bahasa kedua secara terus. Selain daripada faktor persekitaran, faktor sikap dan motivasi, faktor kepercayaan individu, iaitu kecerdasan juga mempengaruhi pembelajaran bahasa kedua. Murid-murid yang cepat bertutur mempunyai kecerdasan yang tinggi dan sebaliknya pula bagi murid-murid yang lambat bertutur mempunyai kecerdasan yang lebih rendah. Hal ini dikatakan demikian kerana konsep kecerdasan sangat rapat hubungannya dengan ujian yang dibuat untuk mengukur kecerdasan. Ujian kecerdasan pula selalunya dibuat untuk menentukan kejayaan dalam markah mata pelajaran di sekolah. Kerajaan Malaysia mewajibkan murid sekolah yang menerima bantuan daripada kerajaan untuk mempelajari bahasa Inggeris sebagai persiapan untuk menganjak daya saing mereka pada masa hadapan pada peringkat antarabangsa. Secara umumnya, golongan atasan di Malaysia menguasai bahasa Inggeris kerana bahasa tersebut merupakan bahasa yang dominan untuk golongan ini. Apa-apapun, faktor pembelajaran bahasa kedua tidak seharusnya dilihat sebagai langkah untuk meminggirkan kepentingan bahasa Melayu. **OB**